

**Saya tidak pernah guna kuasa demi kepentingan diri, kata Dr Mahathir**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 23, 2015**

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau hanya menggunakan kuasa eksekutifnya ketika masih memerintah negara untuk menyelesaikan masalah perpecahan kaum, bukan bagi kepentingan peribadi.

Dalam temu bualnya bersama The Guardian, negarawan bersara itu berkata beliau tidak pernah melakukan perkara yang kelihatan tidak demokratik ketika menjadi perdana menteri tetapi menegaskan tindakannya demi kebaikan lebih besar untuk negara.

"Benar pada masa saya terdapat perkara yang saya lakukan mungkin dianggap tidak demokratik tetapi tugas saya memastikan hubungan antara kaum di negara ini kekal sihat.

"Hanya setakat itu, saya tidak pernah menggunakan (kuasa) untuk kepentingan peribadi saya, seperti cuba mendapatkan dana dengan cara yang tidak sah," katanya kepada Theguardian.com.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai merujuk kepada tuduhan yang dilemparkan beliau adalah individu yang memulakan penggunaan undang-undang penindasan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk mendiamkan pengkritiknya, dan menyebabkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak juga mengambil tindakan yang sama.

The Guardian berkata pada 1999, 2000 dan 2001 Jawatankuasa Perlindungan Wartawan menyenaraikan Dr Mahathir sebagai antara 10 musuh media di bawah cengkaman media arus perdana.

Malah, keadaan di mana sebahagian penerbitan Malaysia yang disekat dan diganggu pada masa kini juga pernah berlaku pada zaman pentadbiran Dr Mahathir.

Najib dikritik teruk susulan syarikat yang diilhamkannya 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kini sarat menanggung RM42 bilion hutang dalam tempoh 6 tahun beroperasi.

Beliau juga dituduh menggunakan kuasanya untuk menghentikan siasatan terhadap syarikat milik kerajaan itu dengan menyingkirkan bekas peguam negara Tan Sri Abdul Gani Patail Gani yang juga ketua pasukan petugas khas yang menyiasat 1MDB.

Dr Mahathir baru-baru ini menuduh Najib tidak menghormati prinsip pemisahan kuasa antara penggubal undang-undang, eksekutif dan kehakiman, kerana campur tangan perdana menteri itu dalam siasatan 1MDB. – 23 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-tidak-pernah-guna-kuasa-demi-kepentingan-diri-kata-dr-mahathir>